

12/09/2004

Dr Mahathir, Pak Lah mangsa tuduhan konspirasi

SEORANG saintis politik dari Universiti Malaya harus tidak silap dalam andaiannya bahawa sebilangan rakyat Malaysia lebih cenderung untuk percaya wujudnya konspirasi di sebalik sesuatu keputusan besar.

Mulai detik Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Kabinet pada 2 September 1998 hingga kepada pembebasannya oleh Mahkamah Persekutuan genap enam tahun kemudian, kedua-dua peristiwa digambarkan oleh pihak berkepentingan sebagai didasarkan kepada konspirasi oleh dua pemimpin berbeza.

Sambil bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dipersalahkan segolongan tertentu sebagai penghalang kepada cita-cita besar Anwar untuk mewarisi kepemimpinan negara, penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula dipercayai golongan serupa memberi nafas baru untuk cita-cita yang hampir enam tahun terpendam itu kembali bernyawa.

Sebegitu mudah andaian dibuat dan sedemikian senang juga masyarakat terbanyak mahu diperdayakan kononnya Dr Mahathir, Abdullah dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, kini dilanda resah hanya kerana 'kesimpulan' yang diada-adakan.

Kononnya juga kerabat kepemimpinan Umno, daripada barisan paling depan hingga kepada anggota Kabinet dan Majlis Tertinggi, gemuruh dan keresahan gara-gara ketidaktentuan yang boleh diterjemahkan kepada pelbagai kemungkinan.

Penyokong Anwar boleh percaya apa yang mereka mahu terus percaya atau memaksa ia turut mempengaruhi orang lain tetapi Sang Lamri dapati adalah jelas kepada kepemimpinan Umno sendiri, semua itu berkisar di antara andaian yang boleh dipersenda atau terus ditertawakan.

Dr Mahathir bila-bila pun tidak akan menyangkal hakikat bahawa beliau yang bertanggungjawab mengetengah dan melonjakkan Anwar ke tahap 'Perdana Menteri dalam penantian' hanya untuk beliau kemudiannya menggagalkan perancangan itu dengan keputusan pemecatan.

Sama ada berbalik kepada huraiannya pada atau selepas 2 September 1998 atau reaksi terbarunya pada 2 September 2004, Dr Mahathir yang terus diyakini bahawa Anwar terbabit dalam salah laku seksual, atau secara khusus seorang homoseks, tidak seharusnya dibelenggu sebarang sesalan.

Mana mungkin Dr Mahathir boleh dituduh sebagai mendalangi satu konspirasi besar - baik ketika Anwar dipecat atau kemudian dibebaskan selepas menjalani hidup di penjara hampir enam tahun - walhal ketiga-tiga hakim Mahkamah Persekutuan dalam penghakiman mereka mendapati bukti untuk mengesahkan bahawa Anwar terbabit dalam kegiatan homoseksual dan mereka lebih terdorong untuk dipercayai bahawa kejadian di Tivoli Villa benar terjadi.

Adalah sesuatu yang amat malang kerana pembebasan Anwar turut menyelewengkan kepercayaan sebilangan anggota masyarakat kononnya beliau tidak pernah bersalah atas tuduhan melakukan perbuatan terkutuk itu.

Jauh lebih malang lagi apabila sebahagian mereka memilih untuk melihat Dr Mahathir berniat jahat menerusi konspirasi yang digembar-gemburkan Anwar hinggakan jasanya selama 22 tahun mengabdikan diri kepada agama, bangsa dan negara seakan-akan mahu dibiarkan terhakis daripada lipatan kenangan.

Sedangkan hanya kira-kira 10 bulan lalu, Dr Mahathir didewakan rakyat keseluruhannya menerusi cara dan emosi yang tidak pernah terlihat sebelumnya sambil lambaiannya ketika meninggalkan Kompleks Perdana Putra

di Putrajaya buat kali terakhir pada petang 31 Oktober 2003, disambut linangan air mata.

Tiada apa yang sebenarnya dapat meragut pengiktirafan terhadap Dr Mahathir sebagai negarawan ulung - jauh sekali pembebasan Anwar yang akhir-akhir ini kenyataannya penuh kesamaran melainkan akan diingati kerana memimpin demonstrasi jalanan dan menghuru-harakan keadaan.

Konspirasi, kalau pun masih bersaki-baki terhadap Dr Mahathir, dengan sendirinya dirobek-robekkan seiring dengan penghakiman Mahkamah Persekutuan. Ringkasnya, Dr Mahathir dengan sendirinya sudah dipertahankan.

Abdullah turut tidak terhindar daripada tuduhan konspirasi kononnya wujud perjanjian di antara beliau dan Anwar untuk pembebasan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Dalam hubungan ini, ungkapan 'tiada rakan yang kekal, tiada musuh yang abadi dalam politik' seolah-olah mahu diregang melampaui hadnya, apatah lagi jika diambil kira Abdullah kini mewarisi kepemimpinan negara atas pilihan Dr Mahathir.

Sambil ia benar bahawa pemecatan Anwar melorongkan laluan kepada Abdullah untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir ketika itu sebenarnya mempunyai tiga pilihan untuk dipertimbangkan.

Didasarkan kepada pertimbangan itu semata-mata, sesiapa saja boleh mengumpamakan kemungkinan Abdullah untuk mengkhianati bekas bosnya pada ketika beliau harus amat berterima kasih; dengan andaian Pak Lah menjadi broker untuk pembebasan Anwar, jauh panggang dari api.

Kalau pun ada kesan daripada pembebasan Anwar, ia sekadar menyerlahkan lebih keakraban di dalam gandingan Abdullah-Najib untuk memacu kerajaan dan Umno tanpa sebarang cakap-cakap serkap jarang boleh mengubah persefahaman dan kesepakatan antara kedua-duanya.

Dalam tempoh hanya 10 bulan, gandingan kedua-duanya juga sudah melaksanakan banyak perubahan untuk menenggelami apa juga cakap-cakap mengenai reformasi yang tidak henti-henti dilaungkan Anwar daripada hari pembebasannya.

Barangkali Anwar boleh menggambarkan 'keajaiban' dengan keupayaan berdiri lurus dan berjalan tegak hanya tiga jam selepas menjalani pembedahan kecil di Jerman untuk mengakhiri 'penderitaan' yang ditanggung selama enam tahun.

Tetapi ia akan memerlukan lebih daripada keajaiban untuk sebarang tuduhan konspirasi terhadap Dr Mahathir mahupun Abdullah diterima sebagai sesuatu yang benar.

(END)